

Publication	Sinar Harian	Section /Page No.	Kuala Selangor.Tanjong Karang / Pg. 41
Date	Wed, 5th Oct 2016	Lead Article	No
Headline	Usahawan Perlu Mantapkan Ilmu Perniagaan		

Usahawan perlu mantapkan ilmu perniagaan

KUALA SELANGOR – Kekurangan ilmu asas perniagaan menjadi faktor penghalang bagi usahawan muda Bumiputera mengembangkan perniagaan, selain saingan dalam dunia perniagaan.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Irmohizam menjelaskan, kajian Institut Keusahawanan Negara mendedahkan, kurang ilmu asas perniagaan dan tiada saluran maklumat ibarat seseorang itu berjalan tanpa tongkat.

"Penduduk Kuala Selangor beruntung kerana Kelab Usahawan Kuala Selangor ditubuhkan untuk menjadi tongkat kepada usahawan khususnya golongan belia.

"Saya sedar tidak semua orang berpeluang bergelar usahawan. Bukan mudah dan tidak cukup hanya berbekalkan keberanian. Sebab itu, peranan kelab ini penting bagi membantu menentu hala tuju dan aspek kemajuan keusahawanan," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung kelab berkenaan di Kompleks Umno Bahagian Kuala Selangor, di sini.

Irmohizam yang juga Pengurus Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) turut menekankan, menjadi seorang usahawan bukan semata-mata untuk menjana pendapatan tetapi membuka peluang kerjaya kepada orang lain.



Irmohizam (tengah) menyampaikan sijil kepada usahawan sempena Mesyuarat Agung Kelab Usahawan Kuala Selangor di Kompleks Umno Bahagian Kuala Selangor.

"Seorang usahawan mempunyai tanggungjawab sosial yang perlu dilunaskan kepada masyarakat. Misalnya menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat khususnya orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan anak yatim.

"Merjadi harapan saya untuk melihat anak watan Kuala Selangor mampu berdaya saing, maju dan membangunkan ekonomi daerah ini secara bersama dan berkembang maju," katanya.

Irmohizam menyarankan ahli kelab merebut peluang suntikan modal dari bantuan disediakan

kerajaan kerana Bajet 2016 menyediakan insentif atau bantuan untuk usahawan dan peniaga kecil kepada semua golongan etnik.

"Melalui Tekun, kerajaan menyediakan RM600 juta yang merangkumi RM500 juta untuk usahawan Bumiputera dan RM100 juta untuk 10,000 usahawan India. Sebanyak RM50 juta lagi disediakan melalui SME Bank untuk membantu usahawan kecil India.

"Selain itu, RM100 juta disediakan di bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India. Peniaga Cina turut diberi tambahan RM90 juta sebagai pinjaman mikro kredit kepada peniaga dan peniaga kecil Cina termasuk Kojadi," katanya.

Katanya, usahawan Bumiputera boleh memohon skim usahawan di bawah Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) anjuran Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) yang menawarkan geran sehingga RM500,000.

"Amanah Ikhtiar menyediakan bantuan pinjaman kepada usahawan yang layak dan komited. Pada tahun ini, sebanyak RM200 juta diperuntukkan bagi membantu golongan pendapatan bulanan sehingga RM3,855," katanya.